

Pengaruh Presiden: Shanmugam sanggah kenyataan Cheng Bock

Shamsul Jangarodin

Berita Harian, 8 Ogos 2011

Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, semalam menyanggah kenyataan yang dibuat calon Pilihan Raya Presiden, Dr Tan Cheng Bock, yang menukil beliau sebagai berkata bahawa hanya calon yang disokong Pemerintah mampu menggunakan pengaruhnya bagi kebaikan Singapura.

Bercakap kepada media selepas menghadiri acara iftar di Kelab Masyarakat Chong Pang, Encik Shanmugam, yang juga Menteri Ehwat Luar, berkata beliau tidak mengatakan demikian.

'Saya tidak mengatakan demikian dan saya mahu jelaskan di sini bahawa sebarang kenyataan seperti itu adalah salah,' katanya.

Dr Tan membuat dakwaan demikian ekoran penjelasan Encik Shanmugam tentang peranan Presiden Dipilih (EP) di satu forum anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) Jumaat lalu.

Penjelasan beliau turut mengundang bidasan daripada dua lagi calon Presiden, Encik Tan Jee Say, dan Encik Tan Kin Lian, yang tidak bersetuju dengan peranan perlembagaan Presiden yang diterangkan Encik Shanmugam.

Antaranya ialah Presiden hanya boleh bertindak dan membuat kenyataan awam atas nasihat Kabinet.

'Mereka fikir Presiden boleh melakukan sejumlah perkara di luar apa yang tertulis dalam Perlembagaan. Mereka berhak atas pandangan mereka, jadi tidak sesuai untuk saya berikan komen lanjut,' kata Encik Shanmugam.

Mengenai isu hormat dan pengaruh yang ditimbulkan Dr Tan dalam laman Facebooknya kelmarin, beliau menggariskan tiga perkara - hormat pada pejabat Presiden dan pemegang jawatan itu; hormat pada rakyat dan kuasanya yang memilih Presiden; dan pengaruh Presiden pada Perdana Menteri.

Menurut Encik Shanmugam, dalam perkara ketiga itu, mutu nasihat yang diberi bergantung pada pengalaman, pengetahuan dan kebijaksanaan Presiden.

Jika beliau menepati ketiga-tiganya, kemungkinan besar nasihatnya baik dan boleh mempengaruhi Perdana Menteri.